

**PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-25**

Tarikh	: 3 September 2020 (Khamis)	
Masa	: 11.00 pagi – 1.00 petang	
Tempat	: Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur	
Kehadiran	: YBhg. Datuk Dr. Hj Radzali Hassan YBhg. Dato Zahriah Abd Kadir En. Deric Yeo Chin Lee En. Mohamad Shukri Salleh En. Khairuddin Yahya En. Ramilan Abdul Rahman Prof Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman En. Neoh Eng Kee En. Jackey Lim Kheng Aun En. Terry Lim En. Kairul Azman Mohd Yusoh En. Paul Ang Beng Teck Dr. Alauddin Sidal	<i>Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Naib Pengerusi</i> <i>Setiausaha Agung</i> <i>Penolong Setiausaha</i> <i>Penolong Bendahari</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i>

39 perwakilan Ahli Biasa, 11 perwakilan Ahli Bersekutu, 1 perwakilan ahli pelajar, 1 perwakilan ahli antarabangsa, dan 29 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

Tidak Hadir dengan notis	: En. Fauzi Awang En. Rozaiman Che Kar YBhg. Dato' Ir Rohaizi Mohd Jusoh Cik Nor Aliza Ali	<i>Penolong Setiausaha</i> <i>Bendahari</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i> <i>Ahli Jawatankuasa</i>
Pengerusi	: YBhg. Datuk Dr. Hj Radzali Hassan	

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

- 1.1. YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 25.
- 1.2. En. Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 24

- 2.1. YBhg. Datuk Radzali Hassan selaku Pengerusi mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadangkan dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-24.
- 2.2. En Neoh Eng Kee dari Tetuan Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi and Partners mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-24 diterima dan disokong oleh En Amran Abd Hamid dari Resepi Arena Sdn Bhd.

3.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2019

- 3.1. En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2019 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Industri Francais di Malaysia telah berkembang sejak awal tahun 90-an dan telah melihat banyak aktiviti dan penglibatan semenjak Industri Francais diperkenalkan di Malaysia sehingga ke hari ini.
 - 3.1.2. Penubuhan MFA adalah di bawah Unit Perlaksanaan & Penyelarasian (ICU), Pejabat Perdana Menteri pada bulan Januari 1994 dan telah diluluskan pendaftaran sebagai Persatuan oleh Jabatan Perdaftaran Pertubuhan Malaysia pada 30 Ogos 1994.

- 3.1.3. MFA menawarkan kemudahan yang terdapat di MFA seperti Bilik Mesyuarat, Bilik Seminar , ruang iklan dan aplikasi Zoom di Aras 3 dan mengalau-alukan semua Ahli MFA untuk menggunakan kemudahan yang telah disediakan. Segala butiran lengkap pakej kemudahan tersebut bolehlah merujuk kepada Sekretariat MFA
- 3.1.4. Antara aktiviti keahlian sepanjang tahun 2019 di bawah JKK Pendaftaran & Etika adalah meluluskan sebanyak 29 ahli baru dan 15 penamatan keahlian, melaksanakan 34 kunjungan ahli dan potensi ahli serta melaksanakan 2 program Teh/ Coffee Tarik.
- 3.1.5. Melalui medium liputan media MFA telah berjaya menghebah sebanyak 52 artikel dan berita ahli, 58 profil ahli telah dipromosikan melalui 4 saluran media baru iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan laman sesawang MFA. Manakala melalui laman sesawang MFA, seramai 140 ahli telah menerima manfaat dimana logo dan profil mereka telah dipaparkan di dalam laman sesawang MFA. Selain itu, MFA juga telah menerima 12 jemputan menghadiri aktiviti ahli.
- 3.1.6. Aktiviti antarabangsa sepanjang tahun 2019 di bawah JKK Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa adalah MFA terlibat secara aktif dalam World Franchise Council (WFC) dan Asia Pacific Franchise Confederation yang dianggotai oleh Persatuan Francais diperingkat Antarabangsa bagi menjalankan jaringan perhubungan dan sokongan aktiviti francais. Selain itu, MFA juga terlibat sama melaksanakan 5 misi perdagangan ke luar negara dengan pihak KPDNHEP,MATRADE dan PNS.
- 3.1.7. MFA telah menjalin hubungan baik dengan pelbagai pihak media di bawah JKK Promosi & Perhubungan Awam bagi mempromosikan aktiviti francais dan persatuan di peringkat kebangsaan. Selain itu, MFA juga menawarkan perkhidmatan pengurusan media kepada ahli dengan harga yang berpatutan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Program Promosi Ahli di Bernama Radio yang melibatkan sebanyak 10 jenama ahli, pengiklanan media dengan mempromosikan aktiviti anjuran MFA dan ahli melalui penerbitan iklan program sama ada di media cetak dan elektronik serta platform digital. Selain itu, MFA telah memberi informasi mengenai industri francais melalui penerbitan e-Franchise Mind. E-Franchise Mind ini terbitkan sebanyak 2 edisi pada tahun 2019 dan diedarkan kepada ahli dan bakal ahli. MFA juga telah menjalankan Program Tanggungjawab Sosial dan Siri Promosi Francais dalam dan luar negara melibatkan misi perdagangan, pameran, seminar dan jemputan ceramah.
- 3.1.8. JKK Promosi dan Perhubungan Awam (Pemasaran) menyediakan program berterusan yang diadakan dari semasa ke semasa seperti Konsultansi dan Info Servis yang memberikan penerangan mengenai asas perniagaan francais serta mewujudkan hubungan di antara persatuan dengan bakal usahawan yang berpotensi seperti Taklimat Mingguan Francais yang merupakan platform bagi mempromosikan program latihan dan keahlian MFA. Maklumat peserta yang ingin menjadi Francaisi akan dipanjangkan kepada ahli yang terlibat. Selain itu, MFA juga telah memuat naik artikel atau berita berkaitan industri francais di dalam laman sesawang MFA sepanjang tahun 2019. Disamping itu, kunjungan pemasaran telah dilaksanakan ke 29 buah syarikat sepanjang tahun 2019 untuk mendapatkan maklum balas berkenaan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta menawarkan beberapa pakej jualan yang disediakan.
- 3.1.9. JKK Pendidikan dan Penyelidikan telah melaksanakan 25 program latihan francais sepanjang tahun 2019 di samping 10 sesi Taklimat Mingguan Francais, 8 sesi Taklimat Pemasaran Antarangsa, 3 Program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF), 2 Program International Franchise Management Certification Course (IFM) dan 1 Program Grow Your Franchise Certification Course (GYF). Selain itu, MFA juga telah melaksanakan Kajiselidik Maklumbalas Tahap Kepuasan Ahli dimana 80% daripada ahli-ahli berpuas hati dengan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019, 75% daripada ahli-ahli berpuas hati dengan pencapaian FIM pada tahun 2019 dan 82% daripada ahli-ahli berpendapat bahawa MFA perlu berusaha bagi mewujudkan aktiviti-aktiviti baru bagi menaikkan kredibiliti industri francais negara. Selain itu, MFA juga telah menjalankan kajian Profil Industri Francais Malaysia, dimana kajian ini akan melibatkan semua ahli dan bukan ahli. Jawatankuasa dan juga pihak konsultan sedang dalam proses untuk mengemaskini data yang diperoleh daripada pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- 3.1.10. Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) di bawah JKK Pembangunan Perniagaan telah bekerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan (MOF). MFA merupakan badan pelaksana bagi program EFDP dari tahun 2015 sehingga 2020. Selain itu, MFA juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Produktiviti Nexus yang bertanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada asas pelaksanaan inisiatif produktiviti; bekerjasama dengan pihak bekepentingan yang relevan. Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk meningkatkan Eksport (EFDP) merupakan program yang menyediakan sokongan kewangan dan aktiviti pemasaran kepada francisor tempatan untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara.

3.1.11. Sepanjang tahun 2019, JKK Kebajikan & Rundingcara telah mengendalikan 4 kes rundingcara dan 3 kes perkhidmatan sokongan daripada ahli MFA. Selain itu, perkhidmatan ini secara terhad juga diberikan kepada bukan ahli sekiranya menghadapi sebarang isu semasa francais.

3.1.12. JKI FIM2019 telah melaksanakan Program Franchise International Malaysia 2019 (FIM2019) pada 5-7 April 2019. Tempat perlaksanaan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Program ini berjaya menarik 11,324 pengunjung dengan penyertaan 121 ruang pameran atau 74 jenama serta mencatatkan potensi transaksi jualan sebanyak RM452 juta. Tetamu Kehormat yang hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

3.1.13. Program Malam Anugerah Francois 2019 telah dilaksanakan oleh JKI MAF2019 pada 4 Oktober 2019 di Hotel The Royale Chulan, Kuala Lumpur dengan bertemakan Formal - Ungu. Program ini telah dihadiri Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail sebagai tetamu kehormat.

Laporan Kemajuan 2019 yang telah dibentangkan diterima dan disokong sebulat suara oleh semua Ahli Jawatankuasa.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

- 4.1. En Ramilan Abdul Rahman selaku Penolong Bendahari telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 4.1.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada tahun 2019, merupakan tahun yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya dimana berlaku sedikit peningkatan kepada lebihan pendapatan berbanding tahun 2018. Pendapatan mencatatkan peningkatan sebanyak 16% berbanding 2018 iaitu daripada RM4.9 juta kepada RM5.8 juta. Jumlah perbelanjaan juga meningkat sebanyak 16% berbanding tahun 2018 iaitu daripada RM4.8 juta kepada RM5.6 juta. Dengan peningkatan tersebut telah memberikan lebihan pendapatan kepada MFA sebanyak RM 159 ribu berbanding RM130 ribu pada 2018.
 - 4.1.2. Mesyuarat dimaklumkan Pendapatan terbesar MFA adalah daripada Yuran Program Kerjasama iaitu sebanyak 61% daripada keseluruhan pendapatan pada tahun 2019. Yuran program kerjasama adalah yuran yang diperolehi daripada peruntukan pihak kementerian dalam melaksanakan program promosi francais. Selain itu, peningkatan pendapatan juga disumbang daripada yuran keahlian dengan peningkatan sebanyak 1%, yuran acara dengan peratusan peningkatan sebanyak 14% berbanding tahun 2018 (RM1.7 juta kepada RM1.5 juta) dan juga yuran pelbagai sebanyak 49%.
 - 4.1.3. Jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti juga mengalami peningkatan sebanyak 16% selari dengan peningkatan pendapatan daripada RM4.8 juta kepada RM5.6 juta pada 2019. Peningkatan ketara adalah daripada perlaksanaan program acara dan program kerjasama. Dari segi tunai dan persamaan tunai, pada akhir tahun kewangan 2019 telah mencatatkan sebanyak RM3 juta berbanding RM3.8 juta pada tahun 2019.

En Ramilan Abdul Rahman selaku Penolong Bendahari telah mencadangkan agar Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang telah dibentangkan agar diterima dan disokong oleh Dato' Jonas Lee dari Liviva Holding Berhad.

5.0 PERLANTIKAN JURUAUDIT DALAMAN SESI 2020/2022

- 5.1 Mesyuarat telah dimaklumkan terdapat 2 pencalonan bagi 2 kekosongan jawatan Juruaudit Dalaman iaitu Cik Joyce See Siok Mee dari 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd dan En. Amran Abd Hamid dari Resepi Arena Sdn Bhd. Kedua – dua calon tersebut telah menang tanpa bertanding.

6.0 MEMBINCANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG TUBUH PERSATUAN

6.1. En Khairuddin Yahya telah membentangkan empat (4) cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut :

6.1.1. Cadangan Pindaan Fasal 4(1)(d) di bawah tajuk Keahlian iaitu cadangan untuk Memberi mandat kepada Jawatankuasa Utama untuk melantik Ahli Kehormat supaya proses perlantikan dan kelulusan keahlian diseragamkan. Jawatankuasa Utama akan menambahbaik garis panduan perlantikan Ahli Kehormat berdasarkan kepada kriteria tertentu.

Fasal Asal:

"Mesyuarat Agung boleh memutuskan dengan undi terbanyak untuk menganugerahkan taraf Ahli Kehormat kepada mana-mana orang perseorangan yang pada pendapat Mesyuarat Agung telah berjasa atau telah memberi khidmat yang cemerlang kepada Pertubuhan atau telah menyumbangkan ke arah cita-cita Pertubuhan."

Pindaan Fasal:

"Jawatankuasa Utama boleh memutuskan untuk menganugerahkan taraf Ahli Kehormat kepada mana-mana individu yang difikirkan layak."

6.1.2. Cadangan Pindaan Fasal 4(6)(f) di bawah tajuk Keahlian iaitu cadangan untuk Pindaan ke atas intepretasi hak ahli bagi ahli antarabangsa memandangkan Ahli Antarabangsa mempunyai hak seperti ahli bersekutu iaitu MFA tidak boleh mempromosikan perniagaan francais ahli dan ahli juga tidak boleh menggunakan logo MFA.

Fasal Asal:

"Ahli Antarabangsa mempunyai hak yang sama seperti Ahli Bersekutu".

Pindaan Fasal:

"Ahli Antarabangsa yang telah berdaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Francais mempunyai hak sama dengan ahli Biasa manakala Ahli Antarabangsa yang tidak mendaftar dengan Pendaftar Francais mempunyai hak seperti Ahli Bersekutu".

6.1.3. Cadangan Pindaan Fasal 5(1)(a,b,c,d,e) di bawah tajuk Bayaran Memproses iaitu cadangan untuk;

i. Meningkatkan yuran memproses bermula tahun 2021 kerana:

- Yuran Memproses tidak pernah diubah sejak 26 tahun yang lalu.
- Mengurangkan dokumen yang diminta daripada pemohon seperti dokumen daripada SSM dan Pendaftar Francais.

ii. Cadangan peningkatan seperti berikut:

- Francaisi dari RM50 kepada RM150 (3 kali ganda)
- Pelajar dari RM10 kepada RM50 (5 kali ganda)
- Lain-Lain Kategori RM100 kepada RM300 (3 kali ganda)

Fasal Asal:

(1) Bayaran memproses permohonan untuk menjadi ahli Pertubuhan adalah seperti berikut:

- a) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai seorang Ahli Biasa daripada Francisor (termasuk Francaisi Induk) dan Institusi Sokongan hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja (RM100.00) bagi setiap wakil yang sah.
- b) Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Biasa daripada Francaisi hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50.00) bagi setiap wakil yang sah.

- c) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Bersekutu hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja (100.00).*
- d) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Pelajar hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja (RM10.00).*
- e) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Antarabangsa hendaklah membuat bayaran proses sebanyak RM100.00.*

Pindaan Fasal:

- a) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai seorang Ahli Biasa daripada Francisor (termasuk Francaisi Induk) dan Institusi Sokongan hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00) bagi setiap wakil yang sah.*
- b) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Biasa daripada Francaisi hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Sahaja (RM150.00) bagi setiap wakil yang sah.*
- c) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Bersekutu hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Tiga Ratus Sahaja (RM300.00).*

Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Pelajar hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50.00).....

- d) *Tiap-tiap permohonan untuk dipertimbangkan sebagai Ahli Antarabangsa hendaklah membuat bayaran proses sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja (RM300.00) bagi setiap wakil yang sah.*

6.1.4. Cadangan Pindaan Fasal 5(2)(d) di bawah tajuk Permohonan Yuran dan Bayaran Ahli iaitu cadangan untuk meningkatkan yuran keahlian kategori pelajar bermula tahun 2021 kerana kebanyakan ahli pelajar terdiri daripada pelajar sarjana dan doktor falsafah.

Struktur yuran dibahagikan kepada 2 kategori kerana MFA ingin menggalakkan juga penglibatan pelajar yang lain.

- RM50 bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda
- RM100 bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian yang lain-lain

Fasal Asal:

“Ahli Pelajar hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja (RM10.00)”.

Pindaan Fasal:

“Ahli Pelajar yang sedang mengikuti pengajian Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50.00), manakala lain-lain ahli pelajar hendaklah membuat bayaran yuran tahunan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja (RM100)”.

Cadangan pindaan Undang-Undang Tubuh ini dicadangkan untuk diterima oleh dan disokong sebulat suara oleh semua Ahli Jawatankuasa.

7.0 MEMBINCANGKAN DAN MELULUSKAN USUL-USUL

7.1. Dato' Zahriah Abd Kadir dari Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd (Seri Malaysia Kangar) telah mengemukakan usul agar mewujudkan kategori Keahlian Seumur Hidup yang bertujuan menyumbang penambahan manfaat kepada ahli yang telah lama bersama dengan MFA dan menaiktaraf keahlian sedia ada. Mesyuarat meminta agar usul ini diluluskan untuk dilaksanakan dan diberi mandat kepada Jawatankuasa Utama untuk menyediakan garis panduan keahlian ini.

Sehubungan itu, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima cadangan tersebut. Maka pindaan undang-undang perlu dibuat bagi Fasal berikut:

- i. Fasal 4(1): Keahlian – tambah fasal 4(1)(f) intepretasi Ahli Seumur Hidup
- ii. Fasal 4(2)(e) – tambah fasal 4(2)(e)(xiv) bilangan wakil dalam MFA
- iii. Fasal 4(6)(f) – tambah fasal 4(6)(g) hak ahli
- iv. Fasal 5(1) – tambah fasal 5(1)(h) bayaran memproses permohonan
- v. Fasal 5(2) – tambah fasal 5(2)(j) yuran tahunan

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 8.1. Pengerusi, YBhg Datuk Dr. Radzali Hassan mengalu-alukan perlantikan ahli-ahli baru MFA dan meminta sokongan dan kerjasama daripada ahli Persatuan untuk menjadikan MFA ke tahap yang lebih membanggakan biarpun dalam keadaan normal baharu yang dilalui. Datuk Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Malaysia terutama sekali kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan semua agensi-agensi yang turut terlibat membantu. Selain itu, Datuk Pengerusi berharap dapat bersama-sama ahli persatuan untuk mengambil peluang meneruskan perjuangan pada tahun 2020 yang hanya berbaki beberapa bulan sahaja dengan merancakkan lagi industri francais dengan pelbagai program. Datuk Pengerusi juga telah menguar-uarkan kepada ahli untuk menyertai dan menjayakan Program Virtual Franchise International Malaysia 2020 (VFIM2020) yang akan diadakan pada 15-21 Oktober 2020.
- 8.2. Naib Pengerusi, YBhg. Dato' Zahriah Abdul Kadir memaklumkan mengenai Malam Anugerah Francais 2020 (MAF2020) yang akan diadakan pada Februari 2021. Penundaan tarikh adalah disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang akan mengehadkan bilangan tetamu jemputan. Selain itu, beliau berharap agar semua ahli dapat memberikan komitmen yang terbaik. Selain itu, Naib Pengerusi menyeru kepada semua ahli untuk bersama-sama menjana sumber kewangan MFA dengan pembelian meja atau menjadi penaja bagi Malam Anugerah Francais 2020 (MAF2020). Disamping itu, Naib Pengerusi juga mengucapkan terima kasih kepada semua ahli dan pihak yang terlibat walaupun berdepan dengan keadaan tahun 2020 yang amat mencabar namun Persatuan Francais Malaysia masih lagi meneruskan aktiviti-aktiviti francais demi menjana kewangan.
- 8.3. Naib Pengerusi, En. Deric Yeo Chin Lee mengharapkan agar semua ahli akan memberikan sokongan kepada Program Virtual Franchise International Malaysia 2020 (VFIM2020) yang akan diadakan pada 15-21 Oktober 2020 yang merupakan julung kali diadakan secara virtual. Oleh itu semua ahli diseru untuk menyertai dan bersama-sama memeriahkan lagi Program Virtual Franchise International Malaysia 2020 (VFIM2020). Naib Pengerusi memaklumkan bahawa kesemua maklumat lanjut mengenai program boleh didapati dari pihak MFA.
- 8.4. YBhg Datuk Dr. Pengerusi telah menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-24 pada jam 12.00 tengahari dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.


Minit disediakan oleh:

Bayani Salihah Ibrahim

.....
(BAYANI SALIHAH IBRAHIM)
Sekretariat

Tarikh: 14 September 2020

Disahkan benar oleh:

.....

(DATUK RADZALI HASSAN)
Pengerusi

Tarikh:

Disemak oleh:

.....

(AHMAD FAIZAL MOHAMED NOOR)
Ketua Eksekutif

.....

(MOHAMAD SHUKRI SALLEH)
Setiausaha Agung

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA KE-25**

AGENSI AWAM

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH
1	JKU	KPDNHEP	DR. ALAUDDIN BIN SADIL
2	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	NURAMALINA BINTI IBRAHIM
3	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	MOHD ABDUL KADIR BIN DARAIL
4	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	MOHD NOR ZAIDI BIN MAT NAZIR
5	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	NADIAH BINTI MOHD SALEHAN
6	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	DIRA SHAHIRA BEGUM BINTI DOULATH SHARIF
7	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	SEYED AZLAN BIN ABDUL RAHIM
8	AGENSI	BPFJL, KPDNHEP	VINOD A/L MATHIALAKAN

AHLI BIASA-FRANCAISOR

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	OFO	ATFAH SDN BHD	YAP HONG OWN	OFO-1218-09-F&B
2	OFO	CAMBRIDGE ENGLISH FOR LIFE SDN BHD	DANIEL SIM	OFO-0506-06-EDU
3	OFO	CIC INTERNATIONAL INCORPORATED	SUZILIANA HARUN	OFO-0910-08-EDU
4	OFO	CITY COIN LAUNDRY SDN BHD	PAUL ANG BENG TECK	OFO-0617-01-SVC
5	OFO	COOLBLOG DESSERT SDN BHD	WIN ZAIDI ZAKARIA	OFO-0217-03-F&B
6	OFO	CRAVITO GROUP SDN BHD	VINCENT LUA	OFO-0120-102-F&B
7	OFO	GENIUS AULAD INTERNATIONAL SDN BHD	SHAHRIL YUSRI BIN ABDUL RAHMAN	OFO-0911-03-EDU
8	OFO	GLOBAL ART & CREATIVE SDN BHD	TERRY LIM	OFO-1214-01-EDU
9	OFO	GOLDLIFE MARKETING SDN BHD	JACKY LIM	OFO-1214-05-RET
10	OFO	HARTA MAINTENANCE SDN BHD	YBHG. DATUK RADZALI HASSAN	OFO-0313-01-SVC
11	OFO	KOPITIAM ASIA PACIFIC SDN BHD	MUHAMMAD HAFIZ BIN SUHANI	OFO-0110-01-F&B
12	OFO	KRISTA EDUCATION SDN BHD	DATO' RAJENDRAN RAMACHANDRAN	OFO-1204-01-EDU
13	OFO	LITTLE CALIPHS INTERNATIONAL SDN. BHD	HAJI ROSLAN BIN NORDIN	OFO-0220-06-EDU
14	OFO	LIVIVA CONSULTANTS (M) SDN BHD	DATO' JONAS LEE	OFO-0820-22-CON
15	OFO	LOOB HOLDING SDN BHD	BRYAN WONG SHU YAN	OFO-0120-101-F&B
16	OFO	MARRYBROWN	KAIRUL AZMAN	OFO-0795-04-F&B
17	OFO	MY ART INTERNATIONAL HOLDING SDN BHD	RICHARD FONG	OFO-0817-01-EDU

18	OFO	FAMA CORPORATION SDN BHD	AHMAD HARITH BIN HANAFI	OFO-0416-02-F&B
19	OFO	PERMODALAN KELANTAN BERHAD	RAMILAN BIN ABDUL RAHMAN	OFO-1214-02-SVC
20	OFO	HAJRIS F&B SDN BHD	RIYASUTIN B. MOHAMAD DULKIF	OFO-1019-01-F&B
21	OFO	RAKYAT MANAGEMENT SERVICES SDN BHD	DZULNUREN DZULKIFLI	OFO-1007-02-SVC
22	OFO	RESEPI ARENA SDN BHD	AMRAN ABD HAMID	OFO-0615-02-F&B
23	OFO	REVENUE VALLEY	DERIC YEO	OFO-0304-01-F&B
24	OFO	ROASTERS ASIA PACIFIC (M) SDN BHD	MOHD SYAFFIQ BIN MOHD ALI	OFO-1195-01-F&B
25	OFO	SMART READER WORLDWIDE SDN BHD	KEVAN ONG KIN WYE	OFO-1000-04-EDU
26	OFO	TADIKA A-Z SDN BHD	LIEW HONG YI	OFO-1207-01-EDU

AHLI BIASA-FRANCAIS INDUK

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	OMF	7 ELEVEN MALAYSIA SDN BHD	JOYCE SEE SIOK MEE	OMF-0609-07-RET
2	OMF	AVON COSMETICS (M) SDN BHD	KHAIRUDDIN YAHYA	OMF-0797-04-BH
3	OMF	CHATIME MALAYSIA SDN BHD	MALIHA	OMF-0417-01-F&B
4	OMF	GERBANG ALAF RESTAURANTS SDN BHD	SUHAILA BINTI ABD RAHMAN	OMF-0797-05-F&B

AHLI BIASA-FRANCAISI

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	OFE	GIBCA VENTURES SDN BHD	SHARIFAH NADZLIRA	OFE-0218-02-F&B
2	OFE	KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD	NOR ELINA AB GHANI	OFE-0317-01-SVC
3	OFE	NAUTICAL BRIGHT ENTERPRISE	MOHAMAD SHUKRI SALLEH	OFE-0620-19-SVC
4	OFE	SEOUL GARDEN RESTAURANT SDN BHD	WAN KHAIRUL ANNUAR BIN WAN ZAINAL	OFE-1218-04-F&B
5	OFE	ZAHRIAH AFFIQ RESORT SDN BHD	DATO' ZAHRIAH BINTI ABD KADIR	OFE-0512-02-TRV

AHLI BIASA-INSTITUTSI SOKONGAN

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	OSI	FRANCHISE TECHNOLOGY & METHODS SDN BHD	SAM SIEW PAK KHEONG	OSI-0795-06-CON
2	OSI	MESSRS WONG JIN NEE & TEO	WONG JIN NEE	OSI-0305-05-LEG
3	OSI	TETUAN MANJIT SINGH SACHDEV, MOHAMMAD RADZI & PARTNERS	NEOH ENG KEE	OSI-0498-08-LEG
4	JKU	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	PROF DR AZMAWANI ABD RAHMAN	

AHLI BERSEKUTU-BAKAL FRANCAISOR

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	AFO	ITRAIN KIDS SDN BHD	DATO' ERIC KU YEE FEI	AFO-0220-09-EDU
2	AFO	MEAT CARTEL HOLDING SDN BHD	ANDY OTHMAN	AFO-0720-20-F&B
3	AFO	PLATESMITH GROUP SDN BHD	MOHD AFFANDY BIN ZULKARNAIN	AFO-0820-23-F&B
4	AFO	RUNNINGMAN EVOLUTION SDN BHD	LIN WAI JET	AFO-0220-10-SVC
5	AFO	SHANG PHILOSOPHY ACADEMY (M) SDN BHD	BOO KIM HIOK	AFO-0320-12-BH
6	AFO	SINAR GLOBAL HYGIENE	RAJA GOPAL	AFO-1219-01-SVC
7	AFO	SITI KHADIJAH APPAREL SDN BHD	JUNAIDAH MOHD YUSOFF	AFO-0119-01-CA

AHLI BERSEKUTU-BAKAL FRANCAISI

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	ASI	DYNAMIC FOODVISORY SOLUTIONS	MABEL HIEW	ASI-0420-15-CON

AHLI BERSEKUTU-BAKAL FRANCAISI

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	AFE	AGENSI PEKERJAAN BINARAYA RESOURCES SDN.BHD.	NUR SUHAILA BINTI ITHNIN	AFE-0620-16
2	AFE	INGENUOUS CONSULTANCY	MASLINA BT MOHD MASRI	AFE-0820-25
3	AFE		ASSOC.PROF.DR.ZAHIRA BINTI MOHD ISHAN	AFE - 0904 -16

AHLI PELAJAR

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	SSM		JOHARI BIN SHAARI	SSM-0615-07-AEU

AHLI ANTARABANGSA

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	IOM	FRANCHISE INTERNATIONAL GMBH	PREMITA DHALIWAL	IOM-0420-14-SVC

PEMERHATI

NO	CAT	SYARIKAT	NAMA PENUH	NO. AHLI
1	OFO	BIG BATH SDN BHD	CHLOE YAP LI KUAN	OFO-0220-07-RET
2	OFO	CAMBRIDGE ENGLISH FOR LIFE SDN BHD	STEPHEN PHUN KAH HIN	OFO-0506-06-EDU
3	OFO	CIC INTERNATIONAL INCORPORATED	KAIRUL MUSLIMAH	OFO-0910-08-EDU
4	OFO	CITY COIN LLAUNDRY SDN BHD	SANDRA CHUA WUAN YEEN	OFO-0617-01-SVC
5	OFO	COOLBLOG DESSERT SDN BHD	PRISCILLA LEAW	OFO-0217-03-F&B
6	OFO	CRAVITO GROUP SDN BHD	RAINI LIM	OFO-0120-102-F&B
7	OFO	CRAVITO GROUP SDN BHD	PETER FOO	OFO-0120-102-F&B
8	OFO	DYNAMIC FOODVISORY SOLUTIONS	ALAN KAY YEW PANG	ASI-0420-15-CON
9	OFO	GLOBAL ART & CREATIVE SDN BHD	MAHAIR GOH	OFO-1214-01-EDU
10	OFO	HAJRIS F&B SDN BHD	MOHD UBAIDAH B HJ ABD KARIM	OFO-1019-01-F&B
11	OFO	HARTA MAINTENANCE SDN BHD	JAMIAH BINTI JA'AFAR	OFO-0313-01-SVC
12	OFO	HARTA MAINTENANCE SDN BHD	ILI ATIRA BINTI ZOLKIFLI	OFO-0313-01-SVC
13	OFO	ITRAIN KIDS SDN BHD	DENEBE ALRADIKIN	AFO-0220-09-EDU
14	OFO	KOPITIAM ASIA PACIFIC SDN BHD	NUREZZATI MOHD ZAMRI	OFO-0110-01-F&B
15	OFO	KOPITIAM ASIA PACIFIC SDN BHD	MUHAMMAD HAFIZZI	OFO-0110-01-F&B
16	OFO	KRISTA EDUCATION SDN BHD	SIVA JAYABHALAN	OFO-1204-01-EDU
17	OFO	LITTLE CALIPHS INTERNATIONAL SDN. BHD	AHMAD RIDZUAN BIN HAJI AHMAD BAIJURI	OFO-0220-06-EDU
18	OFO	LITTLE CALIPHS INTERNATIONAL SDN. BHD	AHMAD FARHAN BIN AHMAD	OFO-0220-06-EDU
19	OFO	LIVIVA CONSULTANTS (M) SDN BHD	JOLIN GOH	OFO-0820-22-CON
20	OFO	LOOB HOLDING SDN BHD	RACHEL LIAW PHAIK YEN	OFO-0120-101-F&B
21	OFO	MEAT CARTEL HOLDING SDN BHD	MAZRIL BIN DATO ZAINI	AFO-0720-20-F&B
22	OSI	MESSRS WONG JIN NEE & TEO	PUA SIAU KEE	OSI-0305-05-LEG
23	AFO	PALACE BUTCHER RESOURCES SDN BHD	HAZAMIM AMMAL	AFO-0120-05-F&
24	AFO	PLATESMITH GROUP SDN BHD	YEN HAZIAN BINTI ZULKIPLY	AFO-0820-23-F&B
25	AFO	RAKYAT MANAGEMENT SERVICES SDN BHD	NURUL ATIKA BINTI MOHAMED	OFO-1007-02-SVC
26	AFO	REVENUE VALLEY	AMRIL RIZAR	OFO-0304-01-F&B
27	AFO	SHANG PHILOSOPHY ACADEMY (M) SDN BHD	YONG YOKE TENG	AFO-0320-12-BH
28	AFO	SHANG PHILOSOPHY ACADEMY (M) SDN BHD	CHIT YIT CHOY	AFO-0320-12-BH
29	ASI	SMART READER WORLDWIDE SDN BHD	AZHAR BIN HARUN	OFO-1000-04-EDU

